JURNAL YADIM
ياياسن دعوه اسلامية مليسيا
"International Journal Of Islam And Contemporary Affairs"

VOL. 6 (2) | DISEMBER 2026 :84-106
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Submission date: 17 November 2025 Acceptance date: 16 July 2026
Available online: 26 October 2026

ISU DAN CABARAN PENDIDIKAN ISLAM DI MUKAH, SARAWAK: SATU TINJAUAN AWAL

ISSUES AND CHALLENGES OF ISLAMIC EDUCATION IN MUKAH, SARAWAK: A PRELIMINARY SURVEY

[i]*Napisah Karimah Ismail, [ii]Suhaila Zailani @ Hj Ahmad,
[iii]Ammalina Dalillah Mohd Isa, [iv]Siti Khairunnisa Kamal Bahrin

[i-iv] Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *napisah@ukm.edu.my

DOI: https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v6.356

ABSTRAK

Kedatangan Islam ke Sarawak, khususnya di Mukah, telah membawa perubahan besar kepada masyarakat setempat, terutamanya etnik Melanau yang beralih daripada amalan animisme kepada identiti Muslim. Walau bagaimanapun, perkembangan pendidikan Islam di kawasan ini masih kurang diberi perhatian secara mendalam dalam kajian akademik. Justeru, penulisan ini bertujuan meneliti isu dan cabaran pendidikan Islam di Mukah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dan temu bual separa berstruktur dengan tujuh orang informan sebagai kaedah pengumpulan data. Dapatan awal menunjukkan perkembangan positif dalam pendidikan Islam di Mukah. Namun, terdapat isu ketara seperti keterbatasan kefahaman Islam, kekurangan guru agama bertauliah, keterbatasan prasarana pendidikan dan pengaruh tradisi tempatan terhadap generasi muda. Cabaran terhadap pendidikan Islam di Mukah merangkumi faktor seperti lokasi sekolah agama yang jauh, kesukaran masyarakat Melanau memahami ajaran Islam disebabkan halangan bahasa dan perspektif negatif daripada masyarakat dan keluarga mualaf. Kajian ini menegaskan bahawa pendidikan Islam di Mukah merupakan tonggak pembentukan identiti Muslim dan memerlukan strategi pembangunan yang lebih sistematik terhadap institusi pendidikan Islam, organisasi dakwah dan badan berautoriti, khususnya Jabatan Agama Islam Negeri. Hasil

kajian ini diharap dapat memberi strategi dalam merangka dasar dan inisiatif pendidikan Islam yang lebih lestari di Sarawak.

Kata Kunci*:* Pendidikan Islam, Mukah, isu dan cabaran, Melanau, Sarawak

ABSTRACT

The arrival of Islam in Sarawak, especially Mukah, brought significant transformation to the local community: Melanau, who transitioned from animistic practices to a Muslim identity. However, the development of Islamic education in this region remains under-researched. Therefore, this study examines the issues and challenges of Islamic education in Mukah. This study employs a qualitative approach through content analysis and semi-structured interviews with seven informants as its data-collection methods. Preliminary findings indicate positive growth of Islamic education in Mukah. Nevertheless, significant issues persist, such as limited understanding of Islam, a shortage of certified religious teachers, inadequate educational infrastructure in rural areas and local traditions' influence on the younger generation. Challenges to Islamic education in Mukah include geographical such as the distant location of religious school, language barriers faced by the Melanau community in comprehending Islamic teachings and negative perspectives from the community and converts families. This study underscores that Islamic education in Mukah serves as a fundamental pillar in shaping Muslim identity and requires more systematic development strategies for Islamic educational institutions, daʿwah organisations and authoritative bodies: Jabatan Agama Islam Negeri. This finding provides a strategic insight for formulating more sustainable Islamic educational policies and initiatives in Sarawak.

Keywords: Islamic education, Mukah, issues and challenges, Melanau, Sarawak.

PENDAHULUAN

Mukah adalah salah satu bahagian di negeri Sarawak sebagaimana di Rajah 1 tersebut. Sarawak merupakan negeri yang mempunyai kepelbagaian etnik dan antara etnik yang terbesar di negeri ini ialah Melayu, Iban, Cina dan Bidayuh. Dalam konteks pegangan agama, Sarawak mempunyai jumlah penganut agama Islam terkecil di Malaysia. Hal ini kerana agama Islam bukanlah agama majoriti penduduk di Sarawak, sebaliknya agama Kristian adalah yang paling ramai dianuti di negeri tersebut.



Rajah 1: Peta daerah Mukah

Kedatangan agama Islam di Sarawak memberi perubahan besar kepada sebahagian masyarakat di Mukah sehingga membawa kepada perkembangan pendidikan Islam di daerah tersebut. Menerusi bancian yang dilakukan pada tahun 2020, terdapat seramai 42,275 penduduk di Mukah yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti bumiputera Sarawak, Cina, India dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut, seramai 19,930 orang yang menganut agama Islam (Jabatan Perangkaan Malaysia 2020). Kewujudan masyarakat Muslim di Mukah menandakan adanya perkembangan pendidikan Islam di kawasan tersebut. Sungguhpun begitu, kepelbagaian etnik dan budaya masyarakat Mukah turut mempengaruhi pengamalan agama Islam dalam kalangan penganut Islam di Mukah. Ini berikutan masyarakat di Mukah mempunyai sejarah pengamalan dan kepercayaan tradisional yang bersifat animisme dan bertentangan dengan agama Islam (Kalsum 2018; Shin 2020).

Perkembangan pendidikan Islam di Mukah dilihat dengan kewujudan institusi agama seperti masjid dan institusi pendidikan Islam seperti sekolah. Jumlah terkini masjid dan surau adalah sebanyak 38 buah dan jumlah sekolah menengah dan rendah 32 buah (Sarawak Data 2017, 2018). Masjid dan surau di Mukah bukan hanya berfungsi sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat pendidikan dan penyebaran ilmu Islam kepada masyarakat setempat secara tidak formal. Dalam konteks pendidikan formal, sekolah-sekolah rendah di kawasan Mukah turut menyediakan pendidikan Islam seperti kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) sebagai asas penting pendidikan Islam dalam kalangan generasi muda. Selain itu, terdapat juga

sekolah agama iaitu Sekolah Kebangsaan Agama Majlis Islam Sarawak (MIS) Mukah yang kini mempunyai pelajar seramai 279 orang. Kewujudan institusi pendidikan Islam di Mukah telah membantu masyarakat setempat dalam memastikan nilai agama diterapkan dalam kalangan generasi muda.

Namun begitu, terdapat kelompangan dalam kajian akademik mengenai pendidikan Islam di Mukah. Kajian terdahulu banyak meneliti aspek kefahaman dan pengamalan agama Islam etnik Melanau serta beberapa etnik lain di Mukah seperti Iban dan Bidayuh. Selain itu, aspek sejarah pendidikan Islam di Sarawak juga banyak diberi tumpuan, termasuk kewujudan sekolah agama pertama di Sarawak. Kajian juga menyentuh peranan agensi dakwah seperti HIKMAH dalam mendidik golongan mualaf di Mukah. Namun begitu, fokus terhadap isu dan cabaran pendidikan Islam di kawasan Mukah masih terhad.

Meskipun terdapat perkembangan yang positif, namun, pendidikan Islam di Mukah masih berhadapan dengan cabaran yang merangkumi aspek sumber manusia dan budaya masyarakat setempat. Selamat dan Ernawati (2011), menyatakan bahawa penambahbaikan terhadap sistem pendidikan Islam di Sarawak secara keseluruhannya sangat diperlukan. Hal ini kerana hanya terdapat sembilan buah sekolah menengah agama di seluruh Sarawak dan dua daripadanya menawarkan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmad Zaidi di Kuching dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pesantren Abdul Taib Mahmud di Sadong Jaya (Kementerian Pendidikan Malaysia 2023). Bilangan yang sedikit ini jika dinisbahkan kepada keluasan negeri Sarawak dan populasinya menjadikan situasi ini sangat tidak seimbang dan membimbangkan.

Lokasi kedua-dua sekolah tersebut yang jauh dari Mukah menjadi cabaran bagi segelintir masyarakat setempat yang ingin menghantar anak-anak mereka melanjutkan pengajian agama ke peringkat tinggi, walaupun pendidikan Islam telah dilaksanakan melalui kelas KAFA dan kelas-kelas agama di masjid sekitar. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sarawak telah menunjukkan komitmen yang berterusan dalam menyokong pembangunan dan pemerkasaan pendidikan Islam di kawasan Balingian, yang merupakan sebahagian daripada daerah Mukah. Sokongan ini dizahirkan melalui perbahasan dan penyataan rasmi dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-19, berdasarkan keperluan semasa masyarakat setempat (Pentadbiran Bahagian Mukah 2024). Justeru, tinjauan awal terhadap

realiti pendidikan Islam di Mukah adalah amat penting bagi mendapatkan gambaran sebenar keadaan pendidikan Islam di daerah tersebut.

SOROTAN LITERATUR

Dalam bahagian ini, maklumat dibahagikan kepada beberapa tema utama berdasarkan kepada kajian-kajian dahulu. Tema tersebut merangkumi masyarakat Islam di Mukah, kefahaman dan pengamalan Islam, pendidikan Islam di Mukah dan badan organisasi dakwah yang bergerak di Mukah.

Masyarakat Islam di Mukah

Masyarakat Islam di Mukah terdiri daripada pelbagai etnik dengan majoriti penduduknya adalah etnik Melanau. Kajian-kajian terdahulu banyak mengkaji perihal etnik Melanau berbanding etnik-etnik lain yang terdapat di Mukah. Hal ini adalah kerana Mukah pada masa dahulu pernah menjadi pusat peradaban etnik Melanau di Sarawak (Kalsum 2018). Berdasarkan Bancian Penduduk 2020, daerah Mukah mempunyai jumlah penduduk seramai 34,500 orang Bumiputera Melanau, 3,100 orang Cina, 28 orang India dan 83 orang dari etnik lain. Manakala agama Islam merupakan agama yang majoriti dianuti oleh seramai 19,930 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2020). Identiti etnik Melanau bukan sahaja mempengaruhi cara hidup masyarakat, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pengamalan agama Islam setelah mereka memeluk agama tersebut.

Sebelum kedatangan mana-mana agama, etnik Melanau mengamalkan amalan animisme seperti kepercayaan terhadap Ipok (makhluk ghaib yang dipuja oleh etnik Melanau) (Awang Azman 2013). Kedatangan Islam dalam kalangan masyarakat Mukah secara beransur-ansur menghapuskan amalan animisme tersebut seperti amalan jerunei (pengebumian tradisional masyarakat Melanau) serta berlaku perubahan identiti dalam kalangan masyarakat seperti pakaian yang seakan orang Melayu iaitu berbaju kurung dan berbaju Melayu (Dzulfawati 006; Low 1848; Shin 2020). Proses penyebaran Islam ke Mukah bermula dari gerakan dakwah Kerajaan Brunei pada tahun 1521, dimana utusan pengiran (pegawai utusan Brunei) dihantar ke tanah jajahannya dan proses ini turut dibantu oleh para pedagang Melayu yang berdagang serta berkahwin dengan masyarakat setempat (Azren Al Aqib & Mohd Nazri 2022; Jeniri 2022; Mohammad Husri & Mohd Yuszaidy 2023; Morris 1978).

Meskipun, kedatangan Islam sedikit sebanyak mengubah kepercayaan tradisional masyarakat Mukah khususnya etnik Melanau, namun segelintir daripada mereka masih mengamalkan adat dan kepercayaan tertentu kerana beranggapan bahawa perkara itu merupakan identiti yang harus dipelihara antaranya ialah permainan tibow dan Pesta Kaul. Yasir (1987) menyatakan bahawa permainan tibow iaitu salah satu permainan tradisional Melanau masih diamalkan sehingga kini sebagai satu bentuk hiburan dan pertunjukan kepada orang ramai. Menurut kajian Jeniri & Awang Azman (2001) pula, salah satu adat yang masih diamalkan di Mukah adalah Pesta Kaul yang merupakan suatu acara tahunan yang diraikan oleh kaum Melanau. Namun begitu, Pesta Kaul kini tidak lagi diraikan dengan memuja penunggu-penunggu laut dan darat, tetapi sekadar majlis keramaian untuk masyarakat setempat dan menjadi tempat pertemuan kesemua kaum Melanau di seluruh Sarawak (Tang Howe Eng et al. 2014). Manakala dalam upacara perkahwinan, misalnya masih terdapat elemen tradisional yang dijalankan seperti menyediakan makanan jemputan kepada keluarga secara bergotong-royong melibatkan ahli keluarga, ketua kampung dan penduduk kampung (Nur Aqilah et al. 2022; Tengku Intan Zarina et al. 2014).

Begitu juga dengan tradisi usungan atau tandu semasa upacara khatam al-Quran dimana kanak-kanak yang khatam al-Quran akan dibawa menaiki usungan yang direka dengan pelbagai bentuk menarik yang dijalankan di kawasan persisiran pantai Sarawak termasuk Mukah. Tradisi tersebut turut mempunyai campuran unsur tradisional dengan agama Islam (Mohamad Faizuan 2021). Kini, masyarakat lebih terbuka dalam mengamalkan adat dan tidak menghalang sesiapa yang memilih untuk tidak mengikuti adat sepenuhnya. Hal ini menunjukkan perubahan dalam pemikiran masyarakat Melanau yang mula mencerminkan identiti mereka sebagai masyarakat yang beragama Islam. Meskipun begitu, segelintir dari mereka masih berpegang kepada beberapa adat tradisional kerana ingin memelihara identiti etnik Melanau. Keadaan tersebut menggambarkan hubungan yang kompleks antara pemeliharaan identiti dan pengamalan ajaran Islam.

Kefahaman dan Pengamalan Islam

Berdasarkan kajian-kajian lepas, kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat di Mukah dapat dilihat menerusi pelbagai aspek antaranya kefahaman al-Quran, fiqh rumah tangga dan persoalan aurat. Masyarakat Melanau di Mukah menghadapi cabaran untuk memahami al-

Quran disebabkan halangan bahasa, adat dan kepercayaan tradisional mereka (Mazlan et al. 2016). Bagi mengatasi masalah tersebut, beberapa usaha telah diambil dengan menterjemahkan tiga juzuk al-Quran ke dalam bahasa Melanau Mukah. Naskhah terjemahan tersebut dapat diakses oleh masyarakat awam secara percuma di Pejabat Agama Islam Mukah (Nurul Riduan 2019). Selain itu, isu kekeluargaan seperti kes penceraian dalam kalangan masyarakat Mukah juga antara isu yang vital. Hal ini diperkatakan oleh Abe Sohpian et al. (2014) yang mencerminkan kekurangan pemahaman dalam aspek fiqh rumah tangga. Malah, etnik Melanau juga direkodkan mempunyai kes penceraian yang tertinggi di Mukah dari tahun 2000 hingga 2010.

Selain isu kefahaman Islam, isu pengamalan juga antara perkara yang mendapat perhatian pengkaji. Antaranya ialah kajian Fatin Faqeriah dan Termimi Hidayat (2022) yang mendapati bahawa tahap pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar di Politeknik Mukah berada pada tahap yang sederhana. Ini disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi keadaan tersebut seperti diri sendiri, keluarga, rakan dan persekitaran. Selain solat, isu aurat juga diketengahkan dalam kajian ini. Tahap kemahaman pelajar Muslimah di politeknik tersebut tentang kewajipan menutup aurat didapati masih terhad dan kurang memuaskan dari segi pengamalan syariat dalam kehidupan seharian mereka (Fatin Faqeriah et al. 2023). Walaupun kajian tersebut tidak menyentuh secara langsung tentang masyarakat Mukah, namun hasil dapatan ini memberikan gambaran umum yang berguna mengenai pengamalan Islam dalam kalangan masyarakat di daerah tersebut. Rentetan ketidakkefahaman Islam, kajian Nor Arfah dan Abd Hakim (2022) memberi gambaran tentang golongan mualaf di Mukah yang menerima pandangan negatif keluarga dan persepsi serong masyarakat setempat. Implikasinya, golongan mualaf tersebut merasa rendah diri dan segan untuk mempelajari ilmu agama dengan lebih mendalam.

Pendidikan Islam di Mukah

Kajian tentang pendidikan Islam di Sarawak banyak tertumpu pada sejarah perkembangan pendidikan Islam dan penubuhan institusi yang berkaitan. Abdul Razak et al. (2023) menjelaskan bahawa pendidikan Islam di Sarawak bermula pada sekitar abad ke-19, tetapi pembelajarannya masih bersifat asas pemahaman Islam seperti membaca al-Quran dan menulis jawi. Perkembangan pendidikan Islam di Sarawak ini pula ditonjolkan oleh Nurul

Azhar et al. (2022) yang menyatakan bahawa madrasah terawal yang ditubuhkan di Sarawak iaitu Madrasah al-Islamiah Kuching memainkan peranan penting dalam memperkasakan ajaran Islam serta pencetus kepada pembangunan sekolah-sekolah agama lain di seluruh negeri.

Di daerah Mukah, perkembangan ini dapat dilihat melalui institusi pendidikan Islam yang wujud. Merujuk kepada data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (2023) dan Sarawak Data (2018), institusi pendidikan Islam yang terdapat di Mukah merangkumi sekolah rendah dan menengah, politeknik, Universiti Teknologi Mara (UiTM), masjid dan surau. Bagi memastikan kelangsungan pendidikan agama di peringkat awal, Jabatan Agama Islam Sarawak (2023), menyelaraskan subjek pendidikan Islam dan kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) pada sesi petang. Walaubagaimanapun, data penyediaan kelas KAFA di Mukah berdasarkan Sarawak Data (2018) menunjukkan terdapat 16 buah sekolah rendah yang menawarkan pengajaran KAFA daripada keseluruhan 28 buah sekolah rendah di daerah tersebut. Ketiadaan kelas KAFA di 11 buah sekolah rendah lagi berkemungkinan dapat dikaitkan dengan faktor demografi setempat seperti kekurangan murid yang beragama Islam dan seumpamanya. Manakala dari segi kehadiran ke kelas tersebut, Ahmad Shaherman (2023) dalam laporannya menjelaskan bahawa kewajipan para pelajar beragama Islam untuk ke kelas KAFA adalah secara sukarela dan tidak diwajibkan. Memandangkan kehadiran ke kelas KAFA adalah sukarela, cabaran utama adalah untuk memastikan akses pendidikan fardhu ain yang konsisten buat semua pelajar Islam di daerah Mukah.

Bagi peringkat pengajian tinggi pula, Politeknik Malaysia cawangan Mukah (2025) dan Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak (2020) terus memainkan peranan melalui Unit Pendidikan Islam dan Moral di bawah Jabatan Pengajian Am Politeknik dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari. Di peringkat komuniti pula, Sarawak Data (2017) merekodkan sebanyak 30 buah masjid dan 8 buah surau yang diselia oleh Majlis Islam Sarawak. Walaupun masjid dan surau di Mukah menjadi medium penyampaian ajaran Islam kepada masyarakat, namun tiada rujukan khusus yang menyatakan peranan institusi tersebut di Mukah dalam konteks pengajian Islam yang formal.

Organisasi Dakwah di Mukah

Dakwah di Mukah digerakkan oleh pelabagai organisasi penting seperti Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Harakah Islamiah (HIKMAH), Urus Setia Saudara Kita (USK), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), Tabung Haji, Persatuan Guru-Guru Rakyat, Pertubuhan Islam Gabungan Amal (PERTIGA) dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau. Dalam konteks sejarah, Abdul Razak et al. (2023), mengenalpasti Harakah Islamiah (HIKMAH) sebagai badan dakwah yang terawal menggerakkan dakwah secara tersusun dan terorganisasi di Sarawak. Peranan HIKMAH ini diperincikan lagi oleh Khalidi dan Badlihisham (2018), yang menyatakan bahawa fokus utama organisasi tersebut adalah menyantuni golongan remaja, wanita dan mualaf di Sarawak melalui program pendidikan serta aktiviti kemasyarakatan.

Bukan itu sahaja, inisiatif pendidikan yang menjadi teras HIKMAH seperti kelas iqra' dan al-Quran serta pusat latihan dakwah kepada golongan mualaf di Sarawak turut dikaji oleh Fatimah et al. (2012) dan Yusman (2018). Tambahan pula, Siti Nurfatin Hazwani et al. (2018) menjelaskan pendekatan dakwah organisasi tersebut yang bersifat toleransi telah mendapat pengiktirafan daripada tokoh kepimpinan negeri iaitu Y.T. Dato' Seri Pehin Abdul Taib. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dakwah di Mukah mempunyai cabaran yang unik. Mohd Zuhaili et al. (2019) melalui temubual bersama pegawai dakwah HIKMAH melaporkan bahawa proses asimilasi budaya adalah cabaran terbesar bagi mualaf yang berketurunan Melanau di Mukah, terutamanya apabila melibatkan amalan tradisi yang bercanggah dengan syariat memandangkan pengisian pendidikan agama bagi golongan ini masih berada pada tahap asas.

Di samping itu, organisasi dakwah induk di Sarawak iaitu Jabatan Agama Islam Sarawak, menurut Mohd Zuhaili et al. (2024) bertindak sebagai badan penyelaras yang memastikan semua aktiviti dakwah di Sarawak mematuhi prinsip agama. Selain aspek pengawasan, Jabatan Agama Islam Sarawak (2023) juga menyediakan prasarana pendidikan yang kondusif kepada masyarakat Islam seperti pengurusan masjid dan pembangunan keluarga. Di Mukah, usaha ini diperkukuhkan dengan kehadiran 30 orang penceramah yang bertauliah, namun menurut data Khidmat Islam Sarawak (2025), pengagihan penceramah

bertauliah ini tidak tertumpu di Mukah sahaja, malah turut meliputi kawasan sekitarnya iaitu di Bintulu.

Selain itu, organisasi yang turut memainkan peranan signifikan adalah Urusetia Saudara Kita (USK), khususnya terhadap pembangunan mualaf. Menurut Nurul Amiranadira (2018), USK ditubuhkan di Kuching pada tahun 1986 dan telah meluaskan pengaruhnya ke seluruh daerah di Sarawak ekoran pertambahan bilangan mualaf. Wahibah & Norafidah (2021) menyatakan bahawa USK turut memberi peluang pendidikan Islam kepada golongan mualaf seperti Kursus Lanjutan Saudara Kita (KLSK) dan Kursus Asas Kefahaman Islam (KAKI). Dalam pada itu, aspek kebajikan masyarakat Islam pula diuruskan oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS). Pg Mohd Faezul Fikri & Mohd Nur Hidayat (2023) menjelaskan TBS berperanan menguruskan dan mengagihkan zakat kepada golongan asnaf di Sarawak. Secara keseluruhannya, meskipun terdapat pelbagai organisasi dakwah yang aktif, rujukan khusus mengenai fungsi organisasi-organisasi dakwah lain di Mukah masih lagi terhad. Oleh itu, kajian dan penelitian perlu lebih giat dilakukan bagi meneroka isu-isu yang berkaitan masyarakat Islam di Sarawak agar syiar Islam terus berkembang dan dilestarikan dengan lebih berkesan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan data melalui gabungan analisis kandungan daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Reka bentuk kajian yang dipilih ialah kajian kes yang membolehkan penyelidik meneroka maklumat terperinci tentang sesuatu masalah, isu atau cabaran di lokasi tertentu (Creswell 2007). Mukah dipilih sebagai lokasi utama kajian kerana masyarakat di daerah ini khususnya etnik Melanau mempunyai sejarah pengamalan nenek moyang yang bersifat animisme. Amalan tradisional masyarakat Melanau juga bercampur aduk dengan ajaran Islam. Salmah Omar (2021) menyatakan bahawa penduduk Mukah yang beragama Islam masih menghadapi masalah dalam pemahaman Islam pada peringkat asas disebabkan oleh kepercayaan nenek moyang mereka terdahulu. Selain itu, pemilihan lokasi ini bertujuan untuk memperkayakan literatur pendidikan Islam memandangkan kajian di Mukah masih belum didokumentasikan secara meluas.

Pengumpulan data bagi kajian ini melalui temu bual separa struktur terhadap 7 orang informan yang terdiri daripada 5 orang guru pendidikan Islam yang terlibat secara langsung dengan program KAFA dan 2 pegawai agama yang bertugas di daerah Mukah. Pemilihan informan ini dibuat berdasarkan pengalaman mereka sebagai tenaga pengajar pendidikan Islam di daerah tersebut bagi memastikan pandangan yang diberi adalah relevan dengan isu dan cabaran dalam bidang tersebut serta realiti masyarakat setempat. 5 orang guru pendidikan Islam dipilih daripada tiga sekolah rendah yang mewakili keseluruhan lokasi di Mukah iaitu luar bandar, pinggir bandar dan bandar. Satu set soalan temu bual telah dibina sebagai instrumen kajian dan disemak oleh tiga orang pakar sebelum dijadikan panduan soalan. Kemudian proses transkripsi dilakukan setelah temu bual selesai dijalankan terhadap kesemua informan. Proses analisis data menggunakan pendekatan analisis tematik dengan mengenal pasti beberapa tema-tema utama yang berkaitan dengan isu dan cabaran pendidikan Islam di Mukah menerusi transkripsi temu bual tersebut. Penganalisan data temu bual dilaksanakan berdasarkan soalan-soalan temu bual tersebut dan didapati bahawa terdapat beberapa tema yang berkaitan dengan isu dan cabaran pendidikan Islam di Mukah. Kemudian, tema-tema tersebut dikategorikan dan dianalisis bersama dengan maklumat tambahan daripada kajian lepas bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam. Justeru, kombinasi kedua-dua sumber data ini dicerakinkan bagi mendapat representasi sebenar berkenaan realiti pendidikan Islam di Mukah kini dari segi isu dan cabaran.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan tinjauan awal ini, masyarakat Islam di Mukah sedang mengalami fasa pengukuhan kefahaman agama Islam. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa amalan tradisional yang bertentangan dengan ajaran Islam semakin ditinggalkan. Sebagai contoh, perayaan Pesta Kaul kini diraikan sebagai majlis keramaian oleh masyarakat setempat dan menjadi tempat pertemuan bagi semua kaum Melanau di seluruh Sarawak, tanpa upacara pemujaan animisme seperti dahulu. Perkembangan ini mencerminkan peningkatan kefahaman masyarakat terhadap ajaran Islam hasil usaha organisasi dakwah dan institusi pendidikan di daerah tersebut. Meskipun begitu, dapatan kajian lepas juga menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Mukah berhadapan dengan tiga cabaran utama iaitu faktor geografi, halangan bahasa dan stigma negatif golongan mualaf. Lokasi sekolah agama di peringkat tinggi seperti STAM terletak jauh dari kawasan kediaman penduduk Mukah iaitu di

ibu kota negeri Sarawak. Bukan itu sahaja, halangan bahasa dalam kalangan masyarakat Mukah juga menjadi cabaran utama untuk mereka memahami ayat al-Quran dengan sebaik mungkin.

Hal ini kerana majoriti masyarakat Mukah adalah etnik Melanau dan menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian. Bahasa Melanau itu juga mempunyai dialek atau loghat yang tersendiri berbanding bahasa Melayu Sarawak. Bagi mengatasi cabaran bahasa, beberapa sarjana telah menghasilkan terjemahan al-Quran dalam bahasa Melanau Mukah dan diedarkan kepada masyarakat menerusi bantuan Jabatan Agama Islam daerah Mukah. Cabaran yang terakhir pula adalah dari segi isu stigma negatif yang diterima oleh golongan mualaf terutamanya bagi Melanau yang mualaf. Perbezaan amalan nenek moyang Melanau dengan ajaran Islam menyebabkan ahli keluarga atau masyarakat Melanau yang belum Islam memberi pandangan negatif terhadap mereka yang sudah memeluk Islam. Akan tetapi, perkara seperti ini hanya berlaku dalam kalangan generasi terdahulu yang tidak boleh bersifat rasional dalam beragama. Manakala dalam kalangan masyarakat pula, golongan mualaf kadang-kadang direndahkan dari segi pengamalan Islam mereka dan perkara tersebut sedikit sebanyak melemahkan semangat mereka untuk sentiasa mendalami ajaran Islam.

Ketiga-tiga cabaran tersebut adalah berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada kajian lepas. Manakala isu yang dibahaskan pula meneliti isu semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Mukah dari segi pendidikan Islam. Oleh itu, bagi menjelaskan lagi isu pendidikan Islam di Mukah ini, maklumat daripada temubual dicerakinkan bersama. Berdasarkan temu bual separa berstruktur yang dijalankan terhadap Pegawai Agama Islam cawangan Mukah dan guru KAFA, terdapat empat isu utama berkaitan pendidikan Islam yang masih berlaku di Mukah.

Keterbatasan Kefahaman Agama Islam

Salah satu isu utama yang dikenal pasti menerusi temu bual separa berstruktur ialah tahap kefahaman asas agama Islam dalam kalangan masyarakat, khususnya dalam kalangan kanak-kanak Muslim di Mukah. Menurut guru-guru KAFA yang ditemu bual, kebanyakan pelajar mampu menghafal rukun Islam dan rukun Iman dengan baik tetapi penghayatan terhadap ajaran tersebut masih rendah. Kefahaman mereka dilihat lebih bersifat akademik dan berorientasikan peperiksaan semata-mata. Selain itu, perbezaan kefahaman antara golongan

dewasa dan kanak-kanak turut dibangkitkan. Menurut informan, golongan dewasa lebih memahami aspek Fardhu Ain secara praktikal berbanding kanak-kanak. Meskipun begitu, secara umumnya kesemua informan bersetuju bahawa masyarakat Islam di Mukah konsisten melaksanakan amalan asas Islam tetapi masih terdapat beberapa kekeliruan. Faktor demografi dan struktur pendidikan di Mukah turut mempengaruhi kefahaman masyarakat di daerah tersebut. Mukah merupakan kawasan yang mempunyai pelbagai agama dan etnik. Oleh itu, tidak semua sekolah dapat menawarkan kelas KAFA secara rasmi. Menurut beberapa informan, kawasan yang mempunyai bilangan pelajar Islam yang sedikit tidak akan dapat mengikuti kelas KAFA kerana tidak memenuhi syarat minimum pelajar. Terdapat juga kes di mana guru besar menyediakan kelas KAFA secara inisiatif sendiri, tetapi kelas tersebut tidak berdaftar secara rasmi kerana jumlah pelajar Islam yang terlalu sedikit. Keadaan ini menyebabkan pelajar Muslim yang tinggal di kawasan tertentu tidak mendapat akses pendidikan agama yang formal dan tersusun, sekaligus menyumbang kepada kefahaman Islam yang tidak mendalam.

Pengaruh Tradisi Tempatan

Pengaruh tradisi tempatan dalam kalangan masyarakat Islam di Mukah masih menjadi isu dalam usaha untuk memperkukuhkan kefahaman dan pengamalan Islam. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa walaupun amalan tradisional yang bertentangan dengan ajaran Islam semakin berkurangan, masih terdapat segelintir masyarakat yang mengamalkan kepercayaan warisan secara tidak sedar atau atas faktor sosial dan budaya. Beberapa informan menyatakan bahawa amalan seperti upacara Ipok masih dihadiri oleh segelintir masyarakat, khususnya dalam kalangan warga emas yang kuat berpegang dengan adat lama. Terdapat juga kes di mana individu yang baru memeluk Islam terus mengamalkan kepercayaan tradisional kerana pasangan mereka tidak membimbing mereka dengan ajaran Islam yang sebenar. Manakala dalam kes lain, informan melaporkan bahawa kepercayaan terhadap azimat dan benda-benda mistik masih wujud walaupun dalam kalangan individu yang telah lama memeluk Islam.

Kekurangan Guru Bertauliah

Cabaran dalam pelaksanaan pendidikan Islam di Mukah merupakan antara isu utama yang dikenal pasti menerusi temu bual lapangan. Informan menyatakan bahawa kekurangan tenaga pengajar yang bertauliah masih menjadi halangan besar dalam penyampaian ilmu agama

secara berkesan. Salah seorang informan menyatakan bahawa sekolah tempat beliau mengajar hanya terdapat 3 orang guru KAFA dan mereka harus bergilir-gilir mengajar pelajar seramai 75 orang dengan beberapa mata pelajaran yang berbeza. Selain itu, tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pendidikan Islam juga dilaporkan masih rendah, khususnya dalam kalangan ibu bapa yang kurang menekankan penglibatan anak-anak dalam program agama di luar waktu sekolah. Terdapat informan yang menyatakan bahawa kelas agama yang dijalankan di masjid atau surau masih menggunakan pendekatan lama yang terlalu terarah kepada ceramah semata-mata. Pendekatan tersebut dilihat kurang menarik, terutamanya bagi golongan muda yang cenderung kepada pembelajaran interaktif dan berasaskan praktikal.

Keterbatasan Prasarana Pendidikan

Satu lagi isu yang dikenal pasti melalui temu bual adalah keterbatasan prasarana pendidikan Islam, khususnya dalam pelaksanaan kelas KAFA di Mukah. Walaupun kelas KAFA dijalankan di ruang bilik darjah seperti biasa, namun kemudahan khusus untuk guru KAFA masih tidak mencukupi. Beberapa informan melaporkan bahawa guru KAFA terpaksa berkongsi ruang dengan guru sesi pagi atau menggunakan surau sekolah sebagai tempat menyimpan bahan serta menjalankan urusan pekerjaan mereka. Lebih ketara lagi, sekolah-sekolah di kawasan pinggir bandar dan kawasan luar bandar menghadapi masalah tersebut berbanding dengan sekolah di kawasan bandar yang lebih lengkap dari segi kemudahan prasarana. Salah seorang informan memaklumkan bahawa sekolah di bandar mempunyai pejabat khusus untuk guru KAFA di sesi petang menjalankan pengajaran mereka.

PERBINCANGAN

Teori Perubahan Sosial Berdasarkan isu yang dikemukakan di atas oleh Ibn Khaldun sangat relevan untuk dikaitkan dengan pembangunan pendidikan Islam serta organisasi dakwah di Mukah. Dalam kitab *Muqaddimah,* Ibn Khaldun menegaskan bahawa masyarakat mempunyai potensi untuk berubah dan berkembang maju sekiranya wujud perancangan institusi yang rapi dan tersusun (Ibn Khaldun 1886; Mohamad Kamil & Rahimin Affandi 2009). Perubahan sosial berlaku dalam sesebuah masyarakat dengan adanya pemantapan agama yang menjadi tonggak kepada kekuatan solidariti sosial kerana agama menyatukan kelompok atau etnik yang berbeza. Pemantapan agama, khususnya Islam yang berlaku di Mukah dapat dilihat melalui peranan institusi agama yang aktif menyelia hal ehwal Islam

serta menyampaikan dakwah dan kefahaman Islam kepada pelbagai lapisan masyarakat seperti JAIS cawangan Mukah. Kebanyakan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam juga semakin berkurangan, menunjukkan keberkesanan institusi pendidikan dan dakwah sebagai agen perubahan sosial.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada aspek perubahan dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Mukah tentang kefahaman serta pengamalan Islam, tetapi kurang menekankan aspek kelestarian ajaran Islam secara berterusan. Hal ini kerana cabaran seperti keterbatasan akses pendidikan Islam, kekurangan tenaga pengajar dan tahap kefahaman yang sederhana dalam kalangan pelajar serta golongan mualaf menunjukkan bahawa kelestarian Islam di Mukah masih memerlukan sokongan yang lebih menyeluruh dan sistematik. Sehubungan itu, analisis ini diperluaskan dengan mengambil kira teori *Maqasid al-Shariah* yang dirumuskan oleh Imam al-Ghazali. Dalam karya *al-Mustasfa*, beliau menekankan lima objektif utama syariat Islam iaitu penjagaan agama (hifz al-din), jiwa (hifz al-nafs), akal (hifz al-ʿaql), keturunan (hifz al-nasl) dan harta (hifz al-mal) (al-Ghazali 1997; Khairil Anwar et al. 2021). Teori tersebut adalah kerangka yang relevan untuk memastikan kelangsungan ajaran Islam. Penerangan ringkas tentang hubungan antara pemantapan institusi dalam kerangka teori Perubahan Sosial dan *Maqasid al-Shariah* dalam konteks kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Hubungkait *Maqasid al-Shariah* dalam kerangka teori perubahan sosial dalam konteks kelestarian pendidikan Islam di Mukah.

Ekoran daripada dapatan yang dibincangkan ini, beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan tindakan perlu diusulkan bagi menangani isu pendidikan Islam di Mukah. Antara cadangan penambahbaikan adalah:

i. Penambahbaikan modul pendidikan Islam yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat di Mukah.

Bagi meningkatkan keberkesanan modul pendidikan Islam sedia ada, elemen kearifan tempatan perlu ditambah seperti isu-isu relevan yang dihadapi masyarakat setempat. Penambahan elemen ini diperlukan untuk memudahkan masyarakat Islam Mukah menghubungkan pembelajaran Islam mereka dengan kehidupan seharian. Hal ini kerana salah satu isu utama yang dihadapi dalam konteks pendidikan Islam di Mukah adalah pengaruh tradisi tempatan yang masih kuat dipegang oleh masyarakat Islam seperti upacara Ipok yang sehingga kini masih dihadiri oleh segelintir umat Islam di daerah tersebut. Selain itu, kepercayaan terhadap azimat dan tangkal juga masih kuat diamalkan di Mukah yang secara dasarnya adalah amalan khurafat dan salah di sisi agama. Gabungan isu-isu tempatan dalam modul sedia ada akan dapat memberikan kefahaman Islam yang lebih praktikal dalam kalangan pelajar dan masyarakat.

Ruang penambahbaikan ini juga dapat diterapkan dalam kalangan badan dakwah atau NGO di Mukah untuk memperbaharui strategi dakwah mereka. Dalam hal ini, beberapa pendekatan dapat dirumuskan seperti merangka program dakwah yang lebih bersifat tempatan agar masyarakat awam dapat mempraktikkan ajaran Islam dengan lebih berkesan. Disamping itu, penambahbaikan terhadap modul sedia ada juga dapat menyelesaikan isu keterbatasan kefahaman agama Islam. Berdasarkan maklumat daripada informan, para pelajar tidak menghayati pelajaran dan hanya menghafal asas fardhu ain untuk peperiksaan semata-mata. Bukan itu sahaja, golongan dewasa turut menghadapi masalah kekeliruan terhadap beberapa aspek fardhu ain. Meskipun begitu, mereka dilihat konsisten dalam mempraktikkan amalan asas Islam. Oleh itu elemen interaktif atau digital dalam modul akan menjadi langkah strategik untuk menarik minat pelbagai lapisan masyarakat seperti aplikasi mudah alih atau pembelajaran dalam talian yang mudah diakses di mana-mana.

ii. Penambahan kuota guru KAFA atau tenaga pengajar di kawasan luar bandar.

Penambahan kuota guru KAFA adalah langkah penting untuk mengatasi isu kekurangan guru bertauliah di Mukah, terutamanya di kawasan luar bandar. Kekurangan tenaga pengajar ini menjadi halangan terbesar dalam mendidik masyarakat Islam di Mukah sebagaimana yang dijelaskan oleh informan. Insentif tambahan juga perlu diberikan kepada para guru KAFA bagi meningkatkan motivasi mereka mengajar di luar bandar. Peningkatan bilangan guru KAFA, diharapkan dapat memudahkan urusan para guru untuk mengurus dan mengajar pelajar secara efisien. Selain itu, penyediaan kursus khusus bagi guru-guru KAFA adalah diperlukan bagi meningkatkan kemahiran dan kualiti pengajaran mereka. Kursus ini seharusnya merangkumi pelbagai aspek pengajaran termasuk pedagogi Islam, pengurusan kelas dan sebagainya. Langkah ini dapat membantu para guru KAFA mengadaptasi pendekatan pengajaran yang lebih berkesan. Justeru itu, pihak kerajaan negeri dan badan dakwah perlu memainkan peranan yang sewajarnya untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti tenaga pengajar agama Islam di Mukah.

iii.Memperkasakan pendidikan KAFA secara menyeluruh dengan menambah baik prasarana untuk guru KAFA

Pemerkasaan pendidikan KAFA memerlukan pendekatan yang menyeluruh termasuk pengukuhan prasarana yang menyokong keberkesanan proses pengurusan dan pembelajaran. Prasarana yang baik dan lengkap adalah asas yang penting untuk mencapai pendidikan yang berkualiti, khususnya kepada guru-guru KAFA di kawasan luar bandar. Masalah keterbatasan prasarana pendidikan di Mukah dapat dilihat apabila terdapat beberapa sekolah yang kurang memiliki kemudahan prasarana seperti pejabat khusus untuk guru KAFA sehingga terpaksa menggunakan surau sebagai ruang pejabat mereka. Keterbatasan tersebut merupakan cabaran fizikal yang mempengaruhi proses pentadbiran dan pengurusan KAFA. Menerusi langkah-langkah tersebut, diharapkan pendidikan KAFA di Mukah dapat ditambahbaik secara menyeluruh dan memenuhi keperluan pelajar serta masyarakat setempat agar menghasilkan impak positif yang berterusan dalam pembangunan pendidikan Islam di daerah tersebut.

Berdasarkan perbincangan tersebut, jelaslah bahawa isu pendidikan Islam di Mukah memerlukan pendekatan yang sistematik dan bersepadu yang merujuk kepada teori Perubahan Sosial oleh Ibn Khaldun dan Maqasid Syariah oleh Imam al-Ghazali. Melalui

pemantapan setiap institusi pendidikan dan organisasi dakwah, kefahaman agama dalam kalangan masyarakat dapat dipertingkatkan. Oleh itu, pembaharuan dalam pendekatan pendidikan Islam perlu diberi perhatian serius. Bagi mencapai kelestarian ajaran Islam, institusi pendidikan Islam, organisasi dakwah dan pihak kerajaan negeri perlu menyusun strategi yang tidak hanya berfokus kepada dakwah awal, tetapi juga kepada pembinaan sistem pendidikan Islam yang lebih kukuh. Diharapkan kajian lanjutan yang bersifat lapangan dan kontekstual dapat diteruskan bagi menilai keberkesanan pendekatan pendidikan Islam di Mukah serta mengenal pasti strategi terbaik untuk menjamin kelestarian ajaran Islam dalam jangka panjang.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pendidikan Islam di Mukah telah menunjukkan perkembangan yang positif hasil usaha daripada pelbagai pihak. Namun begitu, masih terdapat ruang penambahbaikan yang luas terhadap pendidikan Islam di daerah tersebut. Hasil kajian mengenal pasti beberapa isu utama iaitu keterbatasan kefahaman agama dalam kalangan masyarakat, pengaruh tradisi tempatan, keterbatasan guru bertauliah dan prasarana pendidikan. Hal ini ditambah pula dengan cabaran sedia ada seperti faktor lokasi sekolah agama untuk peringkat yang lebih tinggi berada jauh dari kawasan Mukah, halangan bahasa dan golongan mualaf yang berdepan dengan stigma negatif masyarakat sehingga merasa rendah diri.

Justeru itu, bagi memperkukuhkan pendidikan Islam di daerah ini, beberapa cadangan penambahbaikan yang strategik diperlukan seperti pembangunan modul pendidikan Islam yang lebih mendasar ke arah budaya tempatan agar masyarakat Mukah dan mualaf dapat mendalami isi kandungan modul dengan lebih baik. Selain itu, penyediaan prasarana dan tenaga pengajar yang mencukupi di kawasan tersebut adalah diperlukan bagi memastikan pendidikan Islam dapat diakses tanpa kekangan geografi. Manakala, sistem sokongan golongan mualaf juga harus dipergiatkan dengan lebih meluas seperti khidmat bimbingan agama atau program mentor-mentee. Hal ini bagi membina keyakinan diri golongan mualaf dalam kalangan masyarakat. Akhir sekali, disarankan peningkatan terhadap kajian lanjutan yang bersifat kajian lapangan untuk menilai sejauhmana keberkesanan pendekatan pendidikan Islam semasa. Sokongan yang berterusan daripada institusi pendidikan, organisasi

dakwah dan komuniti setempat diharapkan dapat menjadikan pendidikan Islam di Mukah lebih sistematik dan menyeluruh, sekali gus menyumbang kepada pembentukan masyarakat Islam yang berdaya tahan, berilmu dan berakhlak mulia.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada kepada Kursi Syeikh Othman Sarawak, Fakulti Pengajian Islam, UKM atas penyediaan dana penyelidikan dan kajian ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Tindakan (PP-2025-008) bertajuk 'Meningkatkan Pemahaman Islam dalam Kalangan Masyarakat Islam di Mukah Melalui Modul SMART Fardhu Ain'.

RUJUKAN

Abdul Razak Abdul Kadir, Saimi Bujang, Awang Nib Zuhairi Awang Ahmad & Hadenan Towpek. (2023). Perkembangan Institusi Islam di Sarawak Sebelum Pembentukan Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun 18*(1): 1-14.

Abe Sohpian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin & Anwar Fakhri Omar. (2014). Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010. *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam 36*(1): 5-20.

Ahmad Shaherman Shamsuri. (2023, 23 Februari). Dewan Rakyat: Kelas KAFA masih sukarela, belum diwajibkan kepada murid Islam. *Kosmo*, 1.

Al-Ghazali, A. H. (1997). *al-Mustafa min Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub.

Awang Azman Awang Pawi. (2013). *Wajah Melayu Sarawak: Rampaian Ilmu Budaya.* Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

Azren Al Aqib Mohammad Faizal & Mohd Nazri Ahmad. (2022). Kemasukan Islam di Sarawak pada zaman pemerintahan Brooke. *Journal of Al-Quran and Al-Sunnah 7*(2): 31-40.

Dzulfawati Hassan. (2006). *Upacara kematian Melanau Likow di Sarawak.* Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.

Fatimah Bujang, Fareiny Morni & Ratnawate Panie. (2012, 26-27 Jun). Dakwah di Pedalaman Sarawak: Kajian Kes Duat HIKMAH. Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-V. Anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Brunei.

Fatin Faqeriah Hamsah, Farah Hanan Abu Bakar & Lezawati Seron. (2023). Kefahaman pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat di Politeknik Mukah. *Jurnal 'Ulwan 8(*1): 47-59.

Fatin Faqeriah Hamsah & Termimi Hidayat Mahyan. (2022). Tahap pengamalan dan faktor pelaksanaan ibadah solat fardhu dalam kalangan pelajar Politeknik Mukah. *Jurnal Pengajian Umum* 3(1): 53-69.

Ibn Khaldun, A. A. (1986). *Muqadimah*. Beirut: Matba`at al-Adabiyah.

Jabatan Agama Islam Sarawak. (2023). Laporan Tahunan 2023.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 Daerah Pentadbiran.

Jeniri Amir. (2022). *Masyarakat Melanau.* Ed. ke-2. Kuching: Penerbit Wafira.

Jeniri Amir & Awang Azman Awang Pawi. (2001). *Kaul: Suatu Interpretasi Sosiobudaya.* Kuching: Massa Kasturi Management.

Kalsum Umar. (2018). Persembahan ritual kaul Melanau dan hari moyang Mah Meri: manifestasi kepercayaan dan kosmologi. Tesis Dr. Fal, Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Senarai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Senarai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

Khairil Anwar, Mohd Soberi Awang & Mualimin Mochammad Sahid. (2021). Maqasid syariah menurut imam al-Ghazali dan aplikasinya dalam penyusunan kompilasi hukum Islam di Indonesia. *Malaysian Journal of Syariah and Law 9*(2): 75-87.

Khalidi Ibrahim & Badlihisham Mohd Nasir. (2018). Peranan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam Perkembangan Syiar Islam di Sarawak. Dlm. Farid Mat Zain & Izziah Suryani Mat Resad (pnyt.). *Ulama dan Perkembangan Islam di Sarawak dan Sabah,* (hlm. 101-117). Bangi: Penerbit UKM.

Khidmat Islam Sarawak. (2025). Senarai Penceramah Bertauliah di Mukah.

Low, H. (1848). *Sarawak: Its Inhabitants and Productions.* London: Routedge.

Mazlan Ibrahim, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Zaimuariffudin Shukri Nordin, Ibtisam Abdullah, Nozira Salleh, Moktar Husain & Munirah Abd Ghani. (2016). Quranic translation in Melanau ethnic language: toward upholding the understanding of the Quran in Malaysia *Tinta Artikulasi Membina Ummah 2*(1): 91-97.

Mohamad Faizuan Mat. (2021). Amalan perarakan usungan dalam masyarakat persisiran Sarawak. *Kajian Malaysia* 39(1): 141-164.

Mohamad Kamil Abd Majid & Rahimin Affandi Abd Rahim. (2009). Perubahan sosial dan impaknya terhadap pembentukan modal insan menurut Ibn Khaldun. *Jurnal Hadhari 1*(1): 45-76.

Mohammad Husri Morni & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2023). Kebitaraan pengajian Melayu dari perspektif bahasa, sastera dan budaya. Dlm. Muhd Norizam Jamian, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (pnyt.). *Perubahan Sosiobudaya dalam Institusi Sosial Masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak,* (hlm. 119-131). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Zuhaili Kamal Basir, Mohd Shafik Mohd Samsi & Norizuandi Ibrahim. (2019). Cabaran dan pendekatan dakwah saudara Muslim dalam kalangan pendakwah Harakah Islamiah (HIKMAH): kajian kes di Mukah, Sarawak. Dlm. Adibah Abd. Wahab, Mohd Afandi Mat Rani & Mohd Izzat Amsyar Mohd Ari (pnyt.). *Potensi Muallaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari,* (hlm. 1-34). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ) & Akademi Pengajian Islam Kontemporari.

Mohd Zuhaili Kamal Basir, Nur Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah, Fariza Md. Sham, Fakhira Jafri, Akmal Shafiq & Badarul Azam. (2024). The ecosystem management of the da'wah convert programmes: a prospective framework for its implementation in Sarawak. *Internasional Journal of Academic Research in Business & Social Sciences 14*(8): 373-391.

Morris, H. S. (1978). The coastal Melanau. Dlm. King, V. T. (pnyt.). *Dlm Essays on Borneo Society,* (hlm. 37-58). London: Oxford University Press.

Nor Arfah Mohd. Mazlan & Abd Hakim Mohad. (2022). Cabaran mualaf dalam membina kehidupan baharu: satu kajian kes di Mukah, Sarawak, Malaysia. i-STET 2022 Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami, (hlm. 330-344).

Nur Aqilah Azlie, Qhairunnisa Suffiana Zainal, Jannatul Iza Ahmad Kamal & Mohd Zairol Masron. (2022). Mengenali tradisi adat resam perkahwinan kaum Melanau di Sarawak. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia 6*(2): 62-83.

Nurul Amiranadira. (2018). Strategy of khithabah in dealing with converts to Islam in Sarawak Malaysia. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies 12*(2): 318-336.

Nurul Azhar Ahmad, Abdul Razak Abdul Kadir & Siti Asmah Khalid. 2022. Madrasah al-Islamiah Kuching, Sarawak: satu kajian historikal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development 7*(45): 201-212.

Nurul Riduan nor Ashaha. (2019, 5 Julai). Tiga juzuk terjemahan al-Quran dalam bahasa Melanau Mukah diterbitkan. *Sinar Harian*: 1.

Pentadbiran Bahagian Mukah. (2024, 22 Mac). Kerajaan Timbang Pembinaan Sekolah Tahfiz di Balingian Berdasarkan Permintaan. https://mukah.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/1425.

Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar & Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. (2023). The roles of zakat towards maqasid al-Shariah and sustainable development Goals (sdgs): a case study of zakat institutions in east Malaysia. *International Journal of Zakat 8*(1): 1-14.

Politeknik Malaysia Cawangan Mukah. (2025, 22 Mac). Jabatan Pengajian Am. https://pmu.mypolycc.edu.my/index.php/info-akademik/jabatan-pengajian-am.

Khidmat Islam Sarawak. (2017). Senarai Masjid/Surau Berjawatankuasa Pengurusan.

Pejabat Residen Bahagian Mukah. (2018). Senarai Nama Sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi di Bahagian Mukah, Sarawak.

Selamat Amir & Ernawati Amusin. (2011, 12-13 Julai). Pengajian Hadith di Sabah: Suatu Sorotan. Prosiding Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD). Anjuran Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Shin, C. (2020). Asal-usul dan perubahan identiti kaum Melanau di Sarawak: suatu hipotesis. *Asian Journal of Environment, History and Heritage 4*(1): 77-89.

Siti Nurfatin Hazwani Romji, Nur Izyan Syazwanie Usop, Effa Rina Abd Salam, Nurul Azyyati Mohamed Suhaimi & Syazwisyahmi Maharaini Samsudin. (2018, 24-26 September). Sumbangan T.Y.T, Dato' Seri Pehin Abdul Taib Mahmud dalam Pentadbiran Pembangunan Islam di Sarawak. Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) ke-11. Anjuran Institut Agama Islam Negeri Pontianak. Pontianak, Indonesia.

Tang Howe Eng, Khalik Ibrahim & Noor Emma Shamsuddin. (2014). *Kajian Impak Pesta Kaul Mukah 2014.* Mukah: Persatuan Melanau Mukah.

Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Mazlan Ibrahim, Zaimuariffudin Shukri Nordin, Ibtisam Abdullah, Norzira Salleh, Moktar Husain & Munirah Abd Ghani. (2014, 20 November). Analisa terhadap adat dan keistimewaan masyarakat Melanau di Sarawak. Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014. Anjuran Universiti Malaysia Sabah. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak. (2020, 22 Mac). *Kampus Mukah.* https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/discover-us/campuses/mukah.

Wahibah Tahir & Norafidah Gordani. (2021). Dinamika Pendidikan Mualaf di Malaysia: Kajian Ringkas Sejarah Usaha Kerajaan dan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan. Dlm. *Sistem Pendidikan Mualaf di Malaysia 2021* (hlm. 42-59). JAKIM

Yasir Abdul Rahman. (1987). *Melanau Mukah Satu Kajian Budaya.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusman Mustapha. (2018). Sejarah Perkembangan Pusat Latihan Dakwah (PLD), Yayasan Dakwah HIKMAH Kuching, Sarawak (1989-2018). Tesis Sarjana, Jurusan Sejarah Peradaban Islam UIN Sunan Ampel.